

KONSEP TUHAN DAN AGAMA DALAM METAFIZIK STEPHEN HAWKING (1942-2018) MENERUSI *BRIEF ANSWERS TO THE BIG QUESTIONS*: SUATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM

Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali¹, Mastura binti Haji Abd Wahab²

¹Pengarah, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, wmfazrul@usim.edu.my

²Pelajar Sarjana Sains Sosial, Unit Program Generik, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia, masturawahab02@yahoo.com

Abstrak

Ilmu metafizik adalah salah satu cabang ilmu falsafah yang membincangkan mengenai perkara-perkara yang melangkaui alam fizik. Menurut Aristotle, ilmu metafizik adalah ilmu yang membahaskan tentang hakikat segala sesuatu perkara atau benda. Tajuk-tajuk berkaitan dengan tuhan dan agama ada dibincangkan dalam disiplin ilmu metafizik yang menggunakan logik akal dalam menanggapi setiap persoalannya. Pada tahun 2018, Stephen Hawking (1942-2018), seorang ahli falsafah fizik, matematik dan kosmologi yang terkenal daripada Universiti Cambridge, telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Brief Answers to the Big Questions*. Dalam bukunya ini, Hawking menampilkan beberapa pendapat metafiziknya mengenai Tuhan dan agama seperti berikut: Tuhan itu tidak wujud, tiada sesuatu pun yang mencipta alam semesta, tiada sesuatu pun yang menentukan takdir manusia, kehidupan selepas mati tidak wujud, begitu juga tiadanya konsep syurga dan neraka. Buku *Brief Answers to the Big Questions* adalah sebuah buku yang membahaskan pelbagai persoalan campuran mengenai fizik dan metafizik. Buku ini membincangkan tentang konsep ketuhanan, agama, proses kejadian alam semesta dan banyak lagi. Oleh itu, makalah ini menganalisis perbahasan mengenai konsep Tuhan dan agama menurut Hawking daripada bab satu: *Is There a God?* dalam bukunya ini. Hasilnya, didapati bahawa Hawking menggunakan logik dan spekulasi akalnya untuk menolak kewujudan dan peranan Tuhan dalam penciptaan serta penguasaannya ke atas setiap kejadian dan perjalanan alam. Manakala konsep agama pula ditanggapi Hawking sebagai sebuah ideologi yang dianuti oleh orang yang tidak memahami sains dan jahilkan ketinggian ilmu sains dalam menjelaskan semua fenomena yang berlaku dalam alam ini. Dapat dikatakan di sini, Hawking merupakan seorang ateis yang menganut fahaman naturalisme saintifik (*scientific naturalism*) yang menolak pembuktian berkaitan agama dan tuhan melainkan dengan bukti empirikal dan rasionalisme sahaja. Kesemua perbahasan yang dikemukakan oleh Hawking dalam bukunya ini telah dianalisis dari perspektif Islam dan disertakan dengan *shawāhid* atau justifikasi-justifikasi daripada ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Rasulullah saw dan pandangan para ulama dan ahli falsafah Islam muktabar.


Kata kunci: Konsep Tuhan dan Agama, Falsafah Islam, Stephen Hawking, *Brief Answers to the Big Questions*.

PENDAHULUAN

Pada zaman moden dan kecanggihan teknologi maklumat ini, telah muncul pelbagai konsep dan pemikiran baru yang kadang kala mengelirukan umat manusia. Untuk memahami konsep dan pemikiran ini, memerlukan pelbagai siri penelitian dan perbincangan yang mendalam bagi menjelaskan segala terminologi dan kerangka berfikir yang berbeza. Melalui bidang falsafahlah, manusia mencari jawapan bagi memahami segala persoalan tentang konsep dan pemikiran yang berbeza-beza. Bidang falsafah merupakan suatu bidang ilmu yang mengkaji dan membahaskan tentang hakikat atau kebenaran segala sesuatu. Falsafah Islam pula adalah suatu skop perbahasan dan penelitian yang luas merangkumi pelbagai konsep pemikiran yang berasaskan kepada pandangan alam Islam.

Antara topik utama yang dibincangkan dalam bidang falsafah adalah epistemologi, etika, estetika dan metafizik. Ilmu metafizik adalah ilmu yang membincangkan mengenai perkara yang melangkaui alam fizik. Dalam definisi Aristotle, ilmu metafizik adalah *the study of the first principles and causes of the things*, yang membahaskan mengenai hakikat di sebalik sesuatu benda atau perkara. Oleh yang demikian, tajuk-tajuk

berkaitan dengan tuhan dan agama ada dibincangkan dalam disiplin ilmu metafizik, yang merupakan salah satu cabang utama dalam ilmu falsafah (Randall, 1946; Abdul Latif Samian 1997; Shaharir Mohamad Zain 2000; Ahmad Sunawari Long, 2006).



Pada tahun 2018, sebuah buku telah diterbitkan berjudul *Brief Answers to the Big Questions*, yang telah ditulis oleh Stephen Hawking (1942-2018), seorang ahli falsafah fizik, matematik dan kosmologi yang terkenal daripada Universiti Cambridge. Buku *Brief Answers to the Big Questions* ini membahaskan tentang beberapa topik yang berkaitan dengan soalan-soalan kajian falsafah metafizik. Antaranya adalah soalan mengenai kewujudan tuhan, kejadian alam semesta, kewujudan makhluk-makhluk lain di alam semesta, gambaran masa hadapan, hakikat masa, dan banyak lagi (Hawking, 2018).

Oleh itu, dalam meneruskan pengkajian ini, makalah ini akan menumpukan kajian tentang konsep tuhan dan agama menurut Hawking dalam bukunya, *Brief Answers to the Big Questions*. Dalam bukunya ini, Hawking berpendapat bahawa Tuhan itu tidak wujud. Tambahan pula, beliau juga berkata bahawa tiada sesuatu pun yang mencipta alam semesta dan menentukan takdir manusia. Oleh itu, kehidupan selepas mati adalah tidak wujud, begitu juga tiadanya konsep syurga dan neraka. Selepas mati, manusia akan bertukar menjadi debu dan tiada lagi di atas muka bumi. Buktinya, pada halaman 38, Hawking mengatakan bahawa:

“Do I have faith? We are each free to believe what we want, and it’s my view that the simplest explanation is that there is no God. No one created the universe, and no one directs our fate. This leads me to a profound realization; there is probably no heaven and afterlife either. I think belief in an afterlife is just wishful thinking. There is no reliable evidence for it, and it flies in the face of everything we know in science. I think that when we die, we return to dust”.


Maksudnya: “Adakah saya beriman (dengan kepercayaan agama)? Setiap seorang dari kita bebas mempercayai apa yang kita mahukan, dan pada pendapat saya, penerangan yang paling mudah adalah tidak ada Tuhan. Tiada sesiapa pun yang telah mencipta alam semesta dan tiada seorang pun yang menentukan takdir kita. Hal ini menunjukkan saya kepada mendalami hakikat bahawa tiada syurga dan kehidupan selepas kematian. Saya fikir kepercayaan terhadap kehidupan akhirat adalah angan-angan sahaja. Tiada bukti yang boleh dipercayai untuknya, dan perkara ini tertolak dengan apa sahaja bukti yang kita tahu dalam sains. Saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu” (Hawking, 2018).

Seperti mana yang diketahui ramai, Hawking adalah seorang saintis yang sangat tersohor di seluruh dunia. Beliau telah mengasaskan pelbagai teori berkenaan kajian fizik dan kosmologi. Dalam laman sesawang rasminya: hawking.org.uk, beliau telah menyenaraikan lebih dua ratus penerbitan dan ratusan syarahan ilmiah di serata dunia. Tidak dinafikan yang beliau mempunyai pengikut dan peminat di seluruh dunia, termasuklah daripada kalangan saintis, pemikir, ahli falsafah, agamawan, dan orang awam. Maka pandangan beliau berkenaan ketuhanan dan keagamaan juga berkemungkinan diikuti dan diimani oleh ramai pengikutnya, termasuklah dalam kalangan masyarakat Muslim, seperti orang awam, saintis, pemikir, dan ahli falsafah.

Oleh itu, makalah ini dipersembahkan untuk meneliti konsep tuhan dan agama seperti yang difahami dan dihuraikan oleh Hawking melalui bab satu yang bertajuk: *Is There a God?* daripada perspektif Islam. Hasil

kajian ini akan menghuraikan konsep Tuhan dan agama menurut tanggapan Hawking. Kemudiannya, konsep Hawking ini dianalisis dan dinilai dengan *shawāhid* atau justifikasi-justifikasi daripada ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Rasulullah saw dan pandangan para ulama dan ahli falsafah Islam muktabar.

BIOGRAFI RINGKAS STEPHEN HAWKING



Nama penuh Stephen Hawking ialah Stephen William Hawking dan dilahirkan di Oxford, England pada 8 Januari 1942. Ayahnya bernama Frank Hawking adalah seorang saintis penyelidikan perubatan. Ibunya yang bernama Isobel pula adalah seorang graduan dari Universiti Oxford. Hawking tinggal di rumah bersama tiga saudara kandungnya: Mary, Philippa dan Edward. Mereka tinggal di Highgate, Utara London. Beliau membesar dan mendapat pendidikan awal kanak-kanak di sebuah tadika bernama Byron House School di Highgate. Kemudian mereka sekeluarga berpindah ke St. Albans kerana bapanya bertukar tempat kerja. Di sekolah, Hawking amat meminati mata pelajaran Matematik dan Fizik. Tetapi, bapanya tidak menyukai kegemaran Hawking kerana baginya kerjaya untuk subjek tersebut hanyalah sebagai seorang guru. Bapanya menyarakannya menceburi bidang perubatan. Namun, Hawking tidak meminati subjek biologi kerana baginya pelajar yang kurang cerdas sahaja yang mempelajari subjek tersebut (Kenny, 2015; Hawking, 2013).

Kemudian, pada tahun 1960, Hawking melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti Oxford dalam pengajian sains tabii (*natural sciences*). Pengajian ini merangkumi bidang Fizik, Kimia, Biologi dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan alam ini. Beliau juga mendapat tajaan pelajarannya di Universiti Oxford. Pada tahun 1962 selepas bergraduasi dari Universiti Oxford dengan kelulusan kelas pertama, beliau bekerja di Universiti Cambridge dalam bidang yang diminatinya iaitu bidang teori fizik dan kosmologi. Hawking bekerja dengan Fred Hoyle (1915-2001) iaitu seorang ahli astronomi yang sangat terkenal di United Kingdom. Malangnya, Hoyle telah mempunyai ramai pelajar di bawah seliaannya. Maka, Hawking ditempatkan di bawah seliaan Dennis Sciama (1926-1999), yang mana bagi Hawking merupakan seorang saintis yang tidak begitu terkenal seperti Hoyle. Hawking juga sering bercanggah pendapat dengan Sciama. Beliau tidak bersetuju dengan idea Sciama berkaitan Prinsip Mach. Oleh itu, Hawking mula membuat penyelidikan dan teorinya yang baru dalam bidang kosmologi dan teori-teori fizik yang lain (Hawking 2001, 2013, 2015, 2018; Coles 2000; Kenny 2015).

Sewaktu berada dalam tahun 3 pengajiannya di Universiti Oxford; Hawking telah mengalami satu penyakit yang dinamakan *amyotrophic lateral sclerosis* (ALS), sejenis penyakit motor neuron, iaitu sel-sel saraf otak dan atrofi saraf tulang belakang yang berparut dan mengeras. Lazimnya, orang yang menghadapi penyakit ini akan hilang keupayaan untuk mengawal pergerakan, bercakap, makan dan akhirnya sukar untuk bernafas. Tetapi, isterinya Jane sering memberinya semangat untuk meneruskan hidup dan terus berkerjaya. Bagi mengatasi batasan penyakitnya ini, Hawking berkomunikasi menggunakan sebuah komputer berprogram yang memiliki penyintesis suara yang menyiarkan perkataan bersiri hasil dari suaranya. Oleh itu, Hawking hanya memilih perkataan tersebut bagi berkomunikasi dengan orang ramai (Kenny, 2015; Hawking, 2018).

Sepanjang kerjayanya, Hawking telah berjaya mengemukakan pelbagai teori baharu hasil inovasi daripada teori graviti oleh Isaac Newton (1643-1727), serta teori relativiti am (*general relativity theory*) dan teori Letusan Besar (*big bang theory*) oleh Albert Einstein (1879-1955). Antara teori baharu yang terhasil daripada kajiannya adalah teori radiasi Hawking atau *Hawking Radiation*, teori masa di ruang angkasa dan teori

Lubang Hitam atau *Black Hole* (Coles 2000; Kenny 2015; Hawking 2001, 2013, 2015, 2018). Sewaktu mempelajari dan menyelidik tentang alam semesta, Hawking juga menyelidik tentang asal usul kejadian alam ini, sama ada alam ini terjadi secara semula jadi atau disebabkan adanya pencipta atau Tuhan. Oleh itu, Hawking dikenali dengan jolokan penemu teori segala sesuatu atau *the theory of everything* (Hawking, 2018).


Sepanjang kerjayanya, Hawking banyak menulis, bersyarah dan meninggalkan pelbagai buku dan artikel-artikel penting dalam bidang kosmologi. Antara karya utama beliau adalah *The Large Scale Structure of Space-Time* (1973), *A Brief History of Time* (1988), *Black Holes and Baby Universes* (1993), *The Nature of Space and Time* (1996), *The Universe In A Nutshell* (2001), *On Shoulders of Giants* (2002), *The Theory of Everything* (2004), *A Brief History of Time* (2005), *God Created the Integers* (2005), *George's Secret Key to The Universe* (2007), *The Grand Design* (2010), *My Brief History* (2013) dan akhir sekali adalah *Brief Answers to The Big Questions* (2018). Hawking telah meninggal dunia pada 14 Mac 2018 disebabkan oleh penyakit *amyotrophic lateral sclerosis* (ALS) yang dihidapinya.

PENGENALAN RINGKAS BUKU *BRIEF ANSWERS TO THE BIG QUESTIONS*

Buku *Brief Answers to the Big Questions* adalah sebuah buku yang membahaskan berkenaan disiplin fizik dan metafizik. Buku ini mengandungi dua ratus tiga puluh dua halaman dan telah diterbitkan pada tahun 2018, sebelum Stephen Hawking menghembuskan nafas terakhir. Buku ini diterbitkan oleh John Murray di the Great Britain. Buku ini mengandungi sepuluh subtopik berkaitan *Big Questions* atau soalan-soalan besar dalam kehidupan manusia, yang menghuraikan topik-topik berkaitan metafizik, kosmologi, astronomi dan kajian masa hadapan.

Antara topik-topik yang dibincangkan dalam buku *Brief Answers to The Big Question* adalah seperti berikut:

1. *Why we must ask the big questions?* (Mengapa kita mesti bertanya mengenai persoalan-persoalan besar), halaman 1 - 22.
2. *Is there a God?* (adakah tuhan wujud?), halaman 23 – 38.
3. *How did it all begin?* (bagaimana semuanya bermula?), halaman 39 – 64.
4. *Is there other intelligent life in the universe?* (apakah ada kehidupan bijak yang lain dalam alam ini?), halaman 65 – 86.
5. *Can we predict the future?* (bolehkah kita meramal masa hadapan?), halaman 87 – 98.
6. *What is inside a black hole?* (apakah yang wujud dalam lubang hitam?), halaman 99 – 122.
7. *Is time travel possible?* (adakah pengembaraan merentas masa sesuatu yang mustahil?), halaman 123 -142.
8. *Will we survive on Earth?* (bolehkah kita manusia terus hidup atas muka bumi ini?), halaman 143 – 162.
9. *Should we colonise space?* (perluakah kita menjajah angkasa lepas?), halaman 163 – 180.
10. *Will artificial intelligence outsmart us?* (Adakah kepintaran buatan akan mengatasi kepintaran kita?), halaman 181 -196.
11. *How do we shape the future?* (Bagaimanakah kita membentuk masa hadapan?), halaman 197 – 212.



Berdasarkan pembacaan dan analisis terhadap kandungan buku ini, makalah ini memfokuskan kepada perbahasan yang telah Hawking muatkan dalam bab pertamanya iaitu: *Is there a God?* (adakah tuhan wujud?), sebagai tumpuan analisis. Makalah ini meneliti dan menganalisis huraian yang dibuat Hawking berkenaan

konsep tuhan dan agama yang dikaitkan beliau dengan perbincangan ilmu metafizik dan kosmologi alam. Lebih spesifiknya, bab satu dalam buku ini membincangkan tentang pemikiran dan perspektif saintifik Hawking mengenai isu-isu berkaitan tuhan dan agama.

KONSEP TUHAN DAN AGAMA MENURUT STEPHEN HAWKING DALAM *BRIEF ANSWERS TO THE BIG QUESTIONS*

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014), perkataan Tuhan bermaksud sesuatu (seperti dewa dan sebagainya) yang dipuja oleh golongan manusia yang beragama. Manakala perkataan bertuhan bermaksud percaya kepada atau memuja tuhan. Perkataan agama pula bermaksud kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pada yang Maha Kuasa. Kedua-dua perkataan ini, iaitu agama dan tuhan, sangat penting dalam kajian ini kerana kebiasaannya, orang yang beragama akan mempercayai kewujudan satu atau banyak kuasa besar yang mencipta dan menaungi alam semesta ini. Malah bukti kepercayaan kepada kuasa besar ini dizahirkan dengan ketaatan kepadanya melalui peribadatan dalam pelbagai bentuk syiar agama.

Sebelum Hawking, para ahli falsafah Barat yang lain telah memberikan maksud dan konsep Tuhan. Menurut seorang ahli falsafah Perancis bernama Rene Descartes (1596-1650), Tuhan dianggap sebagai makhluk yang sempurna. Descartes menyimpulkan bahawa Tuhan semestinya ada, kerana, jika tidak, Tuhan tidak akan sempurna. Nama, gelaran dan sifat-sifat Tuhan pula diberikan mengikut konteks kepercayaan agama masing-masing. Tuhan dalam agama Islam disebut sebagai Allah. Tuhan dalam agama Kristian digelar *Jesus Christ* ataupun Isa al-Masih. Manakala Tuhan dalam agama Yahudi digelar sebagai *Yahweh*. Agama Hindu pula terkenal dengan banyak Tuhan. Antaranya adalah Brahman, Vishnu, dan Shiva.

Dalam konteks maksud agama ataupun *religion* pula, beberapa ahli falsafah Barat seperti Edward Burnett Tylor (1832-1917), James George Frazer (1854-1941), Emile Durkheim (1858-1917), dan Clifford Geertz (1926-2006) telah memberikan definisi mereka tersendiri bagi perkataan agama. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) E.B Tylor: Agama adalah kepercayaan kepada makhluk-makhluk spiritual (Tylor, 1874).
- 2) J.G Frazer: Agama adalah jalan pertengahan antara magik dan sains (Frazer, 1890).
- 3) Emile Durkheim: Agama bermaksud sistem kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan perkara suci (Durkheim, 1912).
- 4) Clifford Geertz: Agama bererti sistem simbol yang bertindak untuk mewujudkan kekuatan, keresapan, mood dan motivasi yang berterusan, kepada manusia dengan merumuskan konsepsi tentang susunan kewujudan dan menggunakan konsep-konsep umum ini dengan aura kenyataan yang sesuai dengan suasana hati dan motivasi yang kelihatan sangat realistik (Geertz, 1966).

Agama dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-dīn* atau *al-diyānah*. Manakala agama-agama pula disebut sebagai *al-adyān* atau *al-diyānāt*. Kadangkala dalam Bahasa Arab, agama juga disebut sebagai *millah*. Menurut al-Rāghib al-Asfahānī (m. 502H), *al-Dīn* bermaksud taat, ganjaran serta mempunyai maksud yang sama seperti *al-Sharī'ah*. *Al-Dīn* juga disebut sebagai *al-millah*. Walau bagaimana pun, *al-Dīn* juga merujuk kepada ketaatan dan penyerahan kepada *al-Sharī'ah* (al-Rāghib al-Asfahānī, 1997 1:233). Muhammad °Abdullāh Darrāz memberikan pengertian *al-Dīn* sebagai kepercayaan terhadap kewujudan zat yang tidak kelihatan atau zat yang paling tinggi, yang mempunyai keinginan, kewibawaan dan kawalan perkara yang dipentingkan oleh manusia. Kepercayaan ini akan membangkitkan rasa ingin mencari perlindungan kepada zat yang paling tinggi ini semasa dalam kegembiraan dan ketakutan. Secara ringkas, *al-Dīn* adalah kepercayaan kepada ketuhanan suatu zat, yang mewajibkan ketaatan dan peribadatan (Muhammad °Abdullāh Darrāz, 1990:51).

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2019) pula, agama merangkumi keimanan, kepercayaan, amalan dan ajaran serta anutan yang dihidupkan oleh orang Muslim. Kepercayaan dan amalan agama ini dihidupkan sama ada secara bersendirian mahupun secara berkumpul atau bergabung sebagai kaum dan umat, serta menjelmakan hakikatnya sebagai agama yang digelar sebagai Islām. Oleh itu, Islam bermaksud penyerahan diri yang rendah yang bersifat *hayawani* kepada kuasa dan hukuman yang luhur yang bersifat akali (berakal) dan tiada sebaliknya.

Dalam bab yang pertama *Brief Answers to the Big Question* yang berjudul *Is there a God?* ataupun adakah wujudnya tuhan?, Hawking menghuraikan bahawa manusia sering memikirkan beberapa persoalan besar atau *big questions*. Contohnya, kenapa manusia hidup di dunia? Dari manakah manusia datang? Apakah pengakhiran bagi manusia? Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, Hawking telah menghuraikan konsepnya yang tersendiri berkaitan tuhan dan agama. Menerusi kaedah kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis teks, makalah ini telah menemui lima poin utama yang menggambarkan pandangan Hawking mengenai Tuhan. Lima poin utama ini adalah seperti berikut:

- 1) Tuhan tidak mempunyai peranan dalam kejadian alam.

Hal ini dibuktikan dalam muka surat 28, perenggan kedua: *“If you accept, as I do, that the laws of nature are fixed, then it doesn’t take long to ask: what role is there for God? This is a big part of the contradiction between science and religion”* (Hawking, 2018). Maksudnya: “Sekiranya anda menerima, seperti saya, bahawa hukum alam sudah tetap, maka tidak perlu lama untuk bertanya: apa peranan yang ada bagi Tuhan? Ini adalah sebahagian besar percanggahan antara sains dan agama.” Pernyataan Hawking ini menunjukkan bahawa beliau lebih mempercayai undang-undang alam semula jadi iaitu yang dapat dicerap dan ditadabbur secara empirikal dan saintifik. Baginya Tuhan tidak mempunyai apa-apa peranan dalam hukum alam ini, terutamanya dalam pengawalan kejadian alam semesta. Bagi Hawking, undang-undang dan hukum alam yang telah dibuktikan secara saintifik membuktikan bahawa tuhan tidak wujud kerana tidak menunjukkan kekuasaan tuhan.

- 2) Tuhan tidak boleh melanggar hukum alam secara saintifik dan kuasanya terbatas.

Perkara ini dibuktikan dalam muka surat 29, perenggan kedua: *“The laws of science determine the evolution of the universe, given its state at one time. These laws may, or may not, have been decreed by God, but he cannot intervene to break the laws, or they would not be laws. That leaves God with the freedom to choose the initial state of the universe, but even here it seems there may be laws. So God would have no freedom at all”* (Stephen Hawking, 2018). Maksudnya: “Hukum-hukum sains menentukan evolusi alam semesta, mengingat keadaannya pada satu masa. Hukum-hukum ini mungkin ya, atau mungkin tidak, telah ditentukan oleh Tuhan, tetapi dia tidak dapat campur tangan untuk melanggar hukum, atau mereka tidak akan menjadi undang-undang. Ini membiarkan Tuhan bebas untuk memilih keadaan awal alam semesta, tetapi walaupun di sini nampaknya masih wujud lagi undang-undang ini. Jadi Tuhan sama sekali tidak akan mempunyai kebebasan”. Pernyataan Hawking ini menunjukkan bahawa undang-undang alam ditentukan oleh hukum sains yang menyebabkan berlakunya evolusi terhadap alam semesta, dari semasa ke semasa. Walaupun penganut agama berpandangan bahawa Tuhan bebas menentukan setiap kejadian alam pada awalnya, Tuhan tidak bebas dalam menentukan hukum, melanggar hukum atau mengubah undang-undang atau hukum alam yang terjadi secara saintifik dan semula jadi bagi Hawking. Bagi Hawking, jika Tuhan melanggar hukum-hukum atau undang-undang alam ini, maka tidak wujud lagi keabsahan hukum-hukum saintifik berkenaan kejadian-kejadian alam.

- 3) Tuhan bukan pencipta alam kerana alam ini terjadi melalui suatu proses daripada tiada kepada ada secara semula jadi.

Hal ini jelas tertulis pada muka surat 33 iaitu: “*So what does this mean in our quest to find out if there is a God? It means that in the universe adds up to nothing, then you don’t need a God to create it*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “jadi apa maksudnya dalam usaha kita untuk mengetahui apakah ada Tuhan? Ini bermaksud bahawa di alam semesta tidak menambah apa-apa, maka anda tidak memerlukan Tuhan untuk menciptakannya.” Perkara ini sebenarnya adalah penegasan kepada hujah kedua Hawking tadi di mana alam ini mempunyai hukum dan undang-undangnya tersendiri yang tidak memerlukan tuhan untuk mengawal dan menyeliaanya. Dalam perspektif saintifik Hawking, kawalan tuhan kepada alam ini merupakan pelanggaran kepada hukum dan undang-undang alam.

- 4) Tuhan tidak mencipta alam semesta kerana tuhan tidak mempunyai masa untuk mencipta alam sebelum Letusan Besar. Masa masih belum wujud sebelum berlakunya Letusan Besar.
Pada muka surat 38, Hawking mengatakan bahawa: “*When people ask me if a God created the universe, I will tell them that the question itself make no sense. Time didn’t exist before the Big Bang so there is no time for God to make the universe in*” (Hawking, 2018). Maksudnya: Apabila orang bertanya kepada saya apakah Tuhan menciptakan alam semesta, saya akan memberitahu mereka bahawa persoalan itu sendiri tidak masuk akal. Masa tidak ada sebelum Letusan Besar jadi tidak ada masa untuk Tuhan menjadikan alam semesta.” Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan Hawking berpendapat bahawa alam ini tidak memerlukan Tuhan untuk menciptanya. Alam ini terjadi secara semula jadi mengikut hukum atau undang-undang sains. Beliau menggunakan teori Letusan Besar (*Big Bang*) bagi menjelaskan teori masa dan kewujudan alam semesta. Dalam pemikiran saintifik Hawking, tuhan adalah terikat dengan konsep masa dan ruang. Maka kewujudan alam ini daripada teori letusan besar menatijahkan bahawa tuhan tidak wujud sebelum berlakunya Letusan Besar ini. Oleh itu, alam ini tercipta oleh Letusan Besar, bukannya tuhan yang menciptakannya.
- 5) Tuhan tidak wujud. Alam ini bukan ciptaan tuhan. Tuhan tidak menentukan takdir manusia. Syurga dan neraka juga tidak wujud. Kehidupan selepas mati adalah suatu angan-angan. Sains yang menolak semua hujah mengenai kewujudan tuhan dan aspek-aspek agama ini.
Hawking menjelaskan kesemuanya ini, selepas menjelaskan 4 hujah awalnya mengenai konsep tuhan dan agama, pada muka surat 38 dalam bab satu ini seperti berikut: “*Do I have faith? We are each free to believe what we want, and it’s my view that the simplest explanation is that there is no God. No one created the universe, and no one directs our fate. This leads me to a profound realization; there is probably no heaven and afterlife either. I think belief in an afterlife is just wishful thinking. There is no reliable evidence for it, and it flies in the face of everything we know in science. I think that when we die, we return to dust*”. Maksudnya: “Adakah saya beriman (dengan kepercayaan agama)? Setiap seorang dari kita bebas mempercayai apa yang kita mahukan, dan pada pendapat saya, penerangan yang paling mudah adalah tidak ada Tuhan. Tiada sesiapa pun yang telah mencipta alam semesta dan tiada seorang pun yang menentukan takdir kita. Hal ini menunjukkan saya kepada mendalami hakikat bahawa tiada syurga dan kehidupan selepas kematian. Saya fikir kepercayaan terhadap kehidupan akhirat adalah angan-angan sahaja. Tiada bukti yang boleh dipercayai untuknya, dan perkara ini tertolak dengan apa sahaja bukti yang kita tahu dalam sains. Saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu” (Stephen Hawking, 2018). Pernyataan Hawking ini jelas menunjukkan bahawa Hawking meniadakan kewujudan tuhan sebagai pencipta alam semesta. Baginya, seseorang itu bebas sama ada hendak mempercayai kewujudan Tuhan ataupun tidak. Namun begitu, bagi Hawking, beliau berpendapat bahawa tuhan itu tidak wujud serta tidak menetapkan takdir seseorang. Beliau juga tidak mempercayai konsep kehidupan selepas mati, yang termasuk dalamnya konsep kebangkitan semula dan pembalasan amalan kehidupan seseorang di syurga atau neraka.

Terdapat dua pandangan utama Hawking berkenaan konsep agama seperti yang beliau nyatakan dalam bab satu ini. Kedua-dua pandangannya ini merupakan tanggapan yang sinis dan negatif terhadap fungsi, nilai dan epistemologi agama. Poin utama bagi pandangan Hawking mengenai agama ini adalah seperti berikut:

- 1) Ideologi agama difahami oleh orang yang tidak memahami sains.
Buktinya, pada muka surat 25, Hawking menyebut bahawa: “*Nowadays, science provides better and more consistent answers, but people will always cling to religion, because it gives comfort, and they do not trust or understand science*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “Pada masa kini, sains memberikan jawapan yang lebih baik dan konsisten, tetapi orang akan selalu berpegang pada agama, kerana ia memberikan keselesaan, dan mereka tidak mempercayai atau memahami sains.” Teks Hawking tadi menunjukkan bahawa bagi Hawking, agama dipercayai oleh manusia disebabkan oleh sikap manusia yang menginginkan keselesaan, berbanding sains yang agak menyukarkan. Manusia yang tidak memahami kaedah sains akan lebih cenderung untuk lebih mempercayai agama walaupun pencapaian sains itu lebih konsisten dan lebih baik dalam kehidupan manusia. Agama dalam konsep yang diungkapkan Hawking ini telah dijadikan sebagai seteru bagi bidang sains. Ketidakpercayaan dan ketidakfahaman kepada sains boleh menatijahkan seseorang itu menjadi penganut atau pengikut sesebuah agama. Dalam sifir mudahnya, ibarat agama adalah lawan kepada sains, dan begitulah sebaliknya.

- 2) Ketinggian ilmu sains adalah melebihi daripada kepercayaan terhadap agama.
Hal ini jelas tertulis dalam muka surat 28 iaitu: “*The one remaining area that religion can now lay claim to is the origin of the universe, but even here science is making progress and should soon provide a definitive answer to how the universe began*” (Hawking, 2018). Maksudnya: “Bahagian yang masih dapat dituntut kebenarannya oleh agama adalah mengenai asal usul alam semesta. Akan tetapi, sains sedang membuat kemajuan dalam bahagian ini dan akan segera memberikan jawapan yang pasti tentang bagaimana alam semesta ini telah bermula”. Teks tadi menunjukkan bahawa Hawking berpendapat asal usul kejadian alam semesta ini pada awalnya dikaitkan dengan kewujudan agama. Tetapi, ilmu sains telah mencapai kemajuan dan peningkatannya dari semasa ke semasa. Ilmu sains juga akan menjawab persoalan tentang permulaan alam semesta ini dengan segera, melalui suatu jawapan yang tuntas dan mengatasi jawapan-jawapan yang diberikan oleh pelbagai agama.

ANALISIS KONSEP TUHAN DAN AGAMA OLEH STEPHEN HAWKING DALAM *BRIEF ANSWERS TO THE BIG QUESTIONS* MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam adalah agama ilmiah yang menitik beratkan hujah dan bukti dalam setiap ajarannya. Malah, wahyu yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah perintah membaca dengan nama Tuhan yang Maha Mulia (Surah al-Alaq 96: ayat 1-5). Allah SWT turut memerintahkan umat Islam untuk berdakwah menggunakan ilmu dan hujah, bukannya menerusi angan-angan atau paksaan seperti yang dikatakan oleh sesetengah ateis terhadap para penganut agama. Firman Allah SWT:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: katakanlah (wahai Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain” (Surah Yusuf 12: ayat 108)

Setelah meneliti konsep Tuhan dan agama yang dinyatakan oleh Hawking dalam bab pertama bukunya *Brief Answers to the Big Question*, di sini dapat dikatakan bahawa Hawking mempunyai pandangan yang negatif dan sinis terhadap kedudukan dan peranan agama dalam kehidupan manusia. Agama dilihat oleh Hawking sebagai

sesuatu yang bertentangan dengan sains. Konsep tuhan yang dipercayai oleh umat manusia juga merupakan sesuatu yang meragukan dan tidak berasas menurut perspektif saintifik Hawking. Terdapat kemungkinan bahawa konsep tuhan dan agama yang dirujuk oleh Hawking dalam bukunya ini adalah konsep tuhan dan agama dalam ajaran Kristian, kerana Hawking tidak menyatakan secara jelas mengenai perkara ini. Akan tetapi, pengalaman hidupnya selama lebih enam puluh tahun di sebuah negara Kristian, bersama-sama masyarakat dan keluarga Kristian, berkemungkinan memberikan serba sedikit maklumat mengenai konsep tuhan dan agama kepada beliau (Kenny, 2015; Hawking, 2018). Mustahil untuk Hawking memperkatakan sesuatu yang tidak diketahuinya atau tidak difahaminya secara jelas. Dalam ungkapan hukama Arab: فاقد الشيء لا يعطي, maksudnya: “seseorang yang tidak memiliki apa-apa, tidak dapat memberikan apa-apa.”

Makalah ini menganalisis kesemua hujah yang dikemukakan oleh Hawking sebelum ini dan menyertakan komentar dan pandangan mengenainya dari sudut pandangan Islam. Dalam penelitian terhadap lima pandangan Hawking mengenai tuhan dan dua pandangan beliau mengenai agama, berikut adalah analisisnya:

- 1) Dalam pandangan pertama hingga pandangan ketiga Hawking, dinyatakan bahawa Tuhan tidak mempunyai peranan dan tidak mempunyai kuasa dalam kejadian alam. Namun begitu, menurut Islam, kejadian seluruh alam semesta ini adalah hasil ciptaan dan kawalan Tuhan yang Maha Agung dan Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Firman Allah SWT:

بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau! Lalu menjadilah ia” (Al-Baqarah: 117). Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT yang mencipta alam dan berperanan untuk mencipta segala apa yang dikehendakinya. Kekuasaan Allah tiada batasan dan tidak ada sesuatu makhluk pun yang mampu menandingi segala kekuasaannya. Bagi Hawking, setelah para saintis dapat menjelaskan pelbagai hukum alam, Tuhan sudah tidak mempunyai apa-apa peranan dalam alam ini, terutamanya dalam pengawalan kejadian alam semesta. Bagi Hawking, undang-undang dan hukum alam yang telah dibuktikan secara saintifik membuktikan bahawa tuhan tidak wujud kerana tidak menunjukkan kekuasaan tuhan. Dalam ajaran Islam, terutamanya dalam konteks Akidah Islam, umat Islam diajarkan bahawa Allah SWT mempunyai sifat harus untuk berbuat sesuatu menurut kehendaknya. Oleh itu kekaguman Hawking kepada hukum alam ini tidak sepatutnya mengelabui pertimbangannya dalam menetapkan kewujudan tuhan, kerana Hawking sudah pun meyakini bahawa alam ini mempunyai permulaannya. Perkara yang sama juga pernah diungkapkan oleh al-Ghazali (450-505H) dalam *al-Munqidh Min al-Dalāl* (penyelamat dari kesesatan) berkenaan kekeliruan golongan ahli pengkaji alam (*al-Ṭabīʿiyyūn*) yang sangat kagum dengan hukum-hukum alam semula jadi, kehebatan fungsi tubuh badan manusia menerusi ilmu anatomi, sehingga melupakan Pencipta kesemua keindahan yang terdapat alam semula jadi ini dan kecanggihan yang terdapat dalam sistem tubuh badan manusia (al-Ghazali, 2000).

- 2) Seterusnya, dalam pandangan keempat Hawking mengenai tuhan, beliau berpandangan Tuhan tidak wujud kerana masih belum ada masa dan ruang sebelum berlakunya Letupan Besar seperti dalam *theory big bang*. Berkemungkinan di sini Hawking membayangkan tuhan seperti manusia, semisal *Jesus Christ* dalam agama Kristian atau Siddhartha Gautama Buddha seperti dalam ajaran Buddhisme. Hakikatnya, dalam ajaran Islam, Allah SWT bukanlah seperti mana-mana makhluk dan Allah SWT memiliki kuasa yang infiniti atau tidak terbatas. Allah SWT Maha Berkuasa dan mampu untuk mencipta apa sahaja yang diinginkanNya tanpa perlu akur kepada apa-apa atau sesiapa sahaja. Allah SWT boleh menciptakan serta memusnahkan segala sesuatu yang dikehendakiNya dalam alam semesta. Allah SWT berkuasa mengubah hukum alam secara saintifik seperti mentakdirkan perubahan waktu, mengawal

kejadian siang dan malam. Malah, Allah SWT juga boleh melakukan sesuatu melampaui hukum saintifik seperti yang terjadi dalam peristiwa-peristiwa mukjizat, irhas dan karamah. Firman Allah SWT:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٦﴾ تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمِنْ
الْمَيِّتِ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam, Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan sesuatu yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya (Surah Ali ‘Imran 3: 26).

Pandangan Hawking bahawa “saya rasa apabila kita mati, kita akan kembali menjadi debu”, merupakan pandangan yang sama dianuti oleh ramai ateis dan musyrikin seperti yang tercatat dalam wahyu Quran dan Sunnah Nabi SAW. Oleh itu, segala persoalan ateistik yang ditemui pada hari ini sebenarnya adalah pengulangan kepada beberapa persoalan-persoalan lama yang telah dijawab oleh para Nabi AS dan para ulama muktabar. Sebagai contoh dalam Surah Yasin 36, ayat 77 dan 78, para ulama tafsir telah mendatangkan kisah Ubay ibn Khalaf yang menjadi sebab turunnya kedua-dua ayat ini. Firman Allah taala:

أَوَلَمْ يَرِ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ ﴿٧٧﴾ وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي
الْعِظْمَ وَهِيَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾

Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih? Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati), (77) Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil ia bertanya: “Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?” (78)

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzī (544-606H), Ibn Kathir (701-774H), dan Wahbah al-Zuhayli (1932-2015) penurunan ayat ini adalah bersempena peristiwa Ubay ibn Khalaf yang datang menemui Nabi SAW dengan membawa tulang yang hancur seperti debu. Ubay menghancurkan-hancurkan tulang itu dan meniup debu tulang itu ke udara. Setelah bertindak sebegitu, Ubay terus bertanyakan kepada Nabi SAW seperti berikut: Adakah engkau berkeyakinan yang Allah SWT dapat menghidupkan kembali tulang yang telah hancur sebegini? Lantas Nabi SAW menjawab:

نعم يميئك الله تعالى ثم يبعثك ثم يحشرك إلى النار.


Maksudnya: ya, Allah taala akan mematikan engkau, kemudian menghidupkan engkau kembali, kemudian mengumpulkan engkau ke dalam neraka (Ibn Kathir, 2000; al-Rāzī, 2001; al-Zuhayli, 1418H).

- 3) Seterusnya, dalam pandangan kelima mengenai tuhan dan pandangan kedua mengenai agama, Hawking meyakini bahawa sains sahaja yang mampu menjawab segala persoalan besar, bukannya agama. Menurut perspektif Islam pula, sains sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan kesemua rahsia alam ini dan memberikan jawapan kepada semua persoalan besar mengenai kehidupan manusia. Hal ini kerana sains yang hanya berpandukan kepada akal dan pancaindera manusia adalah terbatas dan tidak dapat merungkai banyak rahsia dan jawapan kepada misteri-misteri kehidupan. Malah, akal dan pancaindera juga sebenarnya adalah terbatas dan tidak dapat memecahkan banyak persoalan besar berkenaan kehidupan, kematian dan alam ini (al-Ghazali, 2000; al-Attas 2001, 2019). Pandangan yang mendakwa bahawa hanya ilmu sains sahaja yang dapat memandu kehidupan manusia dan menggantikan kedudukan agama adalah dinamakan naturalisme saintifik (*scientific naturalism*). Pandangan ini berpegang bahawa alam ini hanyalah terdiri daripada zat yang material dan fizikal sahaja. Sumber ilmu bagi penganut falsafah naturalisme saintifik ini hanyalah bersumberkan empirisisme, rasionalisme dan materialisme. Sedangkan ajaran Islam mengajarkan bahawa alam ini turut dihuni oleh makhluk-makhluk ghaib dan terdapat banyak perkara ghaib yang Allah SWT sembunyikan daripada pancaindera manusia. Syed Muhammad Naquib al-Attas (lahir 1931) pernah mengkritik golongan ini seperti berikut: “Insan pada asal-mulanya bertujuan menggunakan ilmu pengetahuan sains dan teknologi bagi mengetahui, mengawal dan menguasai alam sekeliling demi maslahat dan kegunaannya. Akan tetapi sifat ilmu sains juga demikian menarik pada nazar harapan bangsa-bangsa Barat bagi memecahkan rahsia-rahsia Ciptaan Raya, yang menjadi pucuk-bibit renungan falsafah mereka dalam ikhtiarnya bagi menyelesaikan ‘masalah Tuhan,’ sehingga cara-cara dan bawaan ilmu sains jenuh dipuja dan diperkembangkan supaya merangkum dan meliputi bidang-bidang lain dalam luasan ilmu. Perkembangan ilmu sains di Eropah sejak Abad Pertengahannya telah memberi harapan kepada kebudayaan Barat bahawa ilmu sains itulah satu-satunya cabang ilmu pengetahuan dan falsafah yang akan dapat membawa keyakinan terhadap yang dicari-carinya itu. Maka dengan demikian mereka telah mengenakan rasionalisme dan empirikisme pada cara berfikir dan menyelidik kepada bidang-bidang ilmu lain seperti ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan. Kemudian pengaruh ilmu sains dalam pemikiran mereka itu demikian hebat mendalam sehingga ia dijadikannya seolah-olah sebagai suatu nilai hidup atau penilai kehidupan yang utama bagi membimbing mereka ke arah keyakinan terhadap kebenaran demi mencapai kesejahteraan” (al-Attas, 2007).
- 4) Hawking berpendapat bahawa Tuhan tidak wujud setelah melihat kehebatan dan keagungan penemuan sains yang mengatasi ilmu agama dan kekuasaan tuhan seperti yang beliau fahami. Dalam Islam, konsep akidah atau kepercayaan kepada Tuhan adalah merupakan konsep yang terpenting. Ia meliputi rukun Islam, rukun Iman dan konsep ihsan yang wajib dipegang oleh setiap Muslim yang bertakwa. Menurut hadis Rasulullah SAW, Baginda pernah bersabda: Dari Abu Hurairah berkata; bahawa Nabi SAW pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril a.s yang kemudian bertanya: “Apakah iman itu?” Nabi SAW menjawab: “Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, Rasul-Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari kebangkitan”. (Jibril a.s) berkata: “Apakah Islam itu?” Jawab Rasulullah SAW “Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan suatu apa pun, kamu mendirikan solat, kamu tunaikan zakat yang diwajibkan, dan berpuasa di bulan Ramadan.” (Jibril a.s) berkata: “Apakah ihsan

itu?” Nabi SAW menjawab: “Kamu menyembah Allah seolah-olah melihatNya dan bila kamu tidak dapat melihatNya sesungguhnya Dia melihatmu.” (HR Al-Bukhari, 1987: 50; Muslim, t.th: 9)

KESIMPULAN

Stephen William Hawking merupakan seorang ahli falsafah fizik, matematik dan kosmologi yang terkenal daripada Universiti Cambridge. Beliau merupakan graduan dari Universiti Oxford dalam bidang pengajian sains tabii. Pengajian ini merangkumi bidang Fizik, Kimia, Biologi dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan alam ini. Semangatnya untuk belajar dan berkarya tidak pernah luput walaupun beliau telah menghadapi penyakit *amyotrophic lateral sclerosis* (ALS) yang sangat kronik. Malah menurut autobiografinya (Hawking, 2018), penyakit yang dihidapinya inilah yang menguatkan lagi semangat dan usahanya dalam menghasilkan pelbagai penemuan baru dalam bidang sains.



Buku berjudul *Brief Answers to the Big Questions* karya Stephen Hawking ini telah diterbitkan pada tahun 2018 dan membahaskan berkenaan disiplin fizik dan metafizik. Buku ini mengandungi sepuluh bab mengenai asal usul kejadian alam semesta, konsep tuhan dan agama, teori lubang hitam, konsep masa hadapan dan teori masa. Dalam bukunya ini juga, Hawking telah menyentuh beberapa perkara mengenai konsep tuhan dan agama. Hawking menjelaskan bahawa Tuhan tidak wujud, tiada sesuatu pun yang menciptakan alam semesta serta menentukan takdir manusia. Agama adalah sebuah ideologi yang diikuti oleh orang yang tidak memahami sains dan kepercayaan agama adalah lebih rendah nilainya daripada ilmu sains. Hawking berpendapat bahawa

Tuhan tidak wujud kerana Tuhan bukanlah pencipta alam ini dan tidak mempunyai hak untuk melanggar serta mengubah hukum alam. Konsep agama pula ditanggapi Hawking sebagai sebuah ideologi yang dianuti oleh orang-orang yang tidak memahami sains dan jahilkan ketinggian ilmu sains dalam menjelaskan semua fenomena alam yang berlaku.

Menurut perspektif Islam, agama yang benar di sisi Allah SWT adalah agama Islam. Agama Islam merupakan agama yang dianuti oleh pelbagai jenis bangsa dan keturunan. Allah SWT adalah Tuhan yang mencipta, mentadbir dan melindungi alam ini. Kuasa Allah SWT juga tidak terbatas, tidak melemah dan tidak terikat dengan batasan alam fizikal sahaja seperti yang ditanggapi menerusi pandangan saintifik Hawking. Ilmu sains, dalam pandangan alam Islam melalui ayat 28 Surah Fatir, hanyalah merupakan salah satu bidang ilmu yang dikurniakan kepada manusia agar mereka mempelajarinya bagi memahami alam ini dan akhirnya membawa kepada mengenali Penciptanya.

Buku *Brief Answers to The Big Questions* ini adalah sebuah buku ilmiah yang mengajak pembacanya untuk berfikir mengenai pelbagai persoalan besar berkenaan kehidupan manusia. Namun begitu, kandungan buku ini tidak terkecuali daripada diadun dengan nilai ateistik dan pandangan alam naturalisme saintifik yang dianuti oleh penulisnya. Oleh itu, perkara ini berkemungkinan dapat mengelirukan sesetengah pembaca Muslim yang tidak mempunyai kefahaman dan kekuatan iman yang kukuh mengenai konsep agama dan Tuhan dalam ajaran Islam. Akhir sekali, makalah ini mengharapkan para pembaca, khususnya kaum Muslimin, dapat mengukuhkan pandangan alam mereka dan penghayatan akidah mereka sebelum membaca buku Hawking ini serta buku-buku tulisan para ateis. Ini bertujuan untuk mengelakkan mereka daripada terkeliru dengan segala logik dan hujahan saintifik yang menolak agama serta menafikan kewujudan tuhan seperti yang dikemukakan oleh saintis tersohor dunia melalui buku *Brief Answers to The Big Questions* ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Abdul Latif Samian. (1997). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Sejarah Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019). *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Bukhari. (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Coles, Peter. (2000). *Stephen Hawking and the Mind of God*. UK: Icon Books.
- Descartes, Rene. (2013). *Meditation on First Philosophy*. USA: Start Publishing LLC.
- Durkheim, Emile. (2008). *The Elementary Forms of the Religious Life: A Study in Religious Sociology*. Oxford: Oxford University Press.
- Frazer, James George. (2002). *The Golden Bough*. n.p.p. Dover Publication.
- Geertz, Clifford. (1966). *Religion as a Cultural System*. London: Tavistock Publication.
- Al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. (2000). *Penyelamat Dari Kesesatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawking, Stephen. (2001). *The Universe in a Nut Shell*. USA: Bantam Book.
- Hawking, Stephen. (2013). *My Brief History*. US: Bantam Book.
- Hawking, Stephen. (2018). *Brief Answers to the Big Questions*. US: Bantam Book.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-ʿAzīm*. Kaherah: Muassasah Qurtubah.
- Kenny, Karen Latchana. (2015). *Great Minds of Science Stephen Hawking Extraordinary Theoretical Physicist*. USA: Abdo Publishing.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014). Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad ʿAbdullāh Darrāz. (1990). *Al-Dīn: Buhūth Mumahhadah Li Dirāsah Tārīkh al-Adyān*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Muslim, A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Thurath Al-Araby.
- Al-Rāghib al-Asfahānī, al-Ḥusayn Ibn Muḥammad. (1997). *al-Mufrādāt Fī Gharīb al-Qur'ān*. Riyadh: Maktabah Nizār Mustafā al-Bāz.
- Randall Jr., John Herman. (1946). Metaphysics: Its Function, Consequences and Criteria. *The Journal of Philosophy* 43 (15): 401-412.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. (2001). *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-ʿArabī.
- Shaharir Mohamad Zain. (2000). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stephen Hawking Official Website*, hawking.org.uk, diakses pada 1 November 2019.
- Taylor, Edward Burnett. (1874). *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom*. Vol.2. Universiti California: Estes and Lauriat.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (1418AH). *Al-Tafsīr Al-Munīr Fī al-ʿAqīdah Wa al-Sharīʿah Wa al-Manhaj*. Damsyik: Dār al-Fikr al-Muʿāshir.